



Headline: Pegawai kastam mangsa Macau Scam  
Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 21 March 2020

Language: Malay  
Section: Wilayah  
Page: 27

## Pegawai kastam mangsa Macau Scam

**Balik Pulau:** Seorang pegawai kastam rugi RM30,000 dipercayai terpedaya dengan sindiket penipuan 'Macau Scam'.

Ketua Polis Daerah Barat Da- ya, Superintendant A A Anbalagan, berkata wanita berusia 45 tahun itu mendakwa menerima panggilan daripada suspek yang juga seorang wanita ketika bertugas, kelmarin.

Katanya, suspek mendakwa membuat semakan dan siasatan menerusi sektor awam di Putra- jaya dan dikatakan mangsa pernah terbabit dalam kes jenayah membabitkan Suruhanjaya Pen- cegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Suspek mendakwa mangsa terbabit dengan kes pengubahan wang haram sebanyak RM210,000 sebelum diminta memberikan kerjasama bagi meneruskan sia- satan.

"Pengadu turut memberi se- mua kata laluan akaun bank miliknya selepas diminta suspek," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, pengadu kemudian menerima mesej daripada pihak bank mengenai peminda- han wang sebanyak RM30,000 da- ripada akaun miliknya.

Wang berkenaan dipindahkan ke sebuah akaun lain milik seorang lelaki dan ketika itu baru- lah mangsa menyedari sudah ter- tipu sebelum membuat laporan polis.

"Mangsa mengakui berada da- lam keadaan kelam-kabut ketika memberi butiran kepada suspek sehingga tidak menyedari kes- lapannya sehinggalah wanita itu menerima mesej daripada pihak bank.

"Kes disiasat mengikut Seks- yen 420 Kanun Keseksaan," ka- tanya.